

D055

U B812 BAH
MAHATHIR - SABAH

KUALA LUMPUR, 14 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) DAN USNO TERPAKSA BERTANDING SESAMA SENDIRI JIKA TIDAK SEPAKAT BERTHUBUNG PEMBAHAGIAN KERUSI UNTUK MEWAKILI BARISAN NASIONAL DI SABAH DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, SOAL PEMBAHAGIAN KERUSI ANTARA PBS DAN USNO TIDAK MUDAH DISELESAIKAN KERANA KEDUA-DUANYA MASIH SALING BERCANGGAH PENDAPAT.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA BN AKAN BERUSAHA MENGATASI MASALAH ANTARA KEDUA-DUA PARTI ITU.

+KITA AKAN CARI JALAN UNTUK MENYELESAIKANNYA SAMA ADA MELALUI PEMBAHAGIAN KERUSI, ATAU JIKA PERLU, MEREKA TERPAKSA ADAKAN PERTANDINGAN SESAMA MEREKA DI SABAH,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR SEKEMBALINYA DARI KOREA SELATAN SELEPAS MENGADAKAN LAWATAN RASMI EMPAT HARI.

+KALAU MEREKA SETUJU TENTANG PEMBAHAGIAN KERUSI, MEREKA BOLEH BERTANDING MENGGUNAKAN SIMBOL BN. TETAPI KALAU BERTANDING LAWAN SATU SAMA LAIN, SUKARLAH HENDAK GUNA SIMBOL BN,+ KATANYA. -- LAGI.

1644MST 14 09 90

D064

U B823 BAH
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SOAL SIAPA YANG MENANG TIDAK AKAN MENJADI MASALAH KERANA KEDUA-DUANYA ANGGOTA BN.

PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, PBS DAN USNO BERTANDING ATAS TIKET BN. WALAUPUN KEDUA-DUA PARTI ANGGOTA BN, PBS MERUPAKAN PARTI PEMERITAH DI PERINGKAT NEGERI MANAKALA USNO PARTI PEMBANGKANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGESAHKAN YANG BELIAU TELAH BERBINCANG MENGENAI KEDUDUKAN BN DI SABAH DENGAN KETUA MENTERI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN YANG MENGIRINGI BELIAU DALAM LAWATAN KE KOREA SELATAN.

MENURUTNYA, DATUK PAIRIN YANG JUGA PRESIDEN PBS MENDAKWA BAHAWA PARTINYA PERLU MENDAPAT LEBIH KERUSI EKORAN PRESTASINYA YANG BAIK SEMASA PILIHAN RAYA NEGERI ITU BARU-BARU INI.

BAGAIMANAPUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, USNO JUGA MUNGKIN MEMBUAT DAKWAAN SEDEMIKIAN. -- LAGI.

1705MST 14 09 90

U B833 BAH
MAHATHIR - SABAH 3 KUALA LUMPUR

PBS MEMENANGI 36 KERUSI MANAKALA USNO 12 KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN PADA PILIHAN RAYA NEGERI JULAI LEPAS. SABAH MEMPUNYAI 20 KERUSI PARLIMEN.

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN TERUS BERUNDING DENGAN DATUK PAIRIN APABILA BELIAU MELAWAT SABAH KELAK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MELAWAT NEGERI ITU TETAPI BELIAU PERLU MENYELESAIKAN BEBERAPA URUSAN SEBELUM KE SANA.

MENGENAI SIRI LAWATANNYA YANG KETIGA KE SELURUH NEGARA TERMASUK KE SABAH DAN SARAWAK, BELIAU BERKATA, JADUAL LAWATAN ITU SEDANG DIATUR.

KEPADA SOALAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TARIKH MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN BELUM DITETAPKAN.

SEMASA DITANYA PERKEMBANGAN MENGENAI JEMPUTAN KEPADA KUMPULAN PEMERHATI PILIHAN RAYA KOMANWEL, BELIAU BERKATA, BELIAU TELAH MENERIMA SURAT DARIPADA SETIAUSAHA AGUNG PARTI SEMANGAT 46 DATUK HAJI SUHAIMI KAMARUDDIN YANG MEWAKILI PARTI-PARTI PEMBANGKANG, SEKEMBALINYA BELIAU DARI LAWATAN KE VENEZUELA BULAN LEPAS.

KATANYA, PEMBANGKANG MENCADANGKAN SUPAYA DIWUJUDKAN SEBUAH BADAN YANG MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB DAN KUASA SEPERTI SURUHANJAYA PENYIASATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK BERSETUJU DENGAN CADANGAN ITU KERANA IA HANYA MAHU KUMPULAN PEMERHATI UNTUK MELIHAT SAMA ADA PILIHAN RAYA DIJALANKAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA. -- LAGI.

1735MST 14 09 90

U B834 BAH
MAHATHIR - SABAH 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, BELIAU TELAH MEMINTA PEMBANGKANG SUPAYA MEMBERI JAWAPAN SAMA ADA MEREKA BERSETUJU ATAU TIDAK TERHADAP PERKARA ITU, TETAPI BELIAU MASIH BELUM MENERIMA JAWAPAN SEHINGGA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TERBACA DALAM SURAT KHABAR BAHAWA DAP BERCADANG UNTUK MENJEMPUT SENDIRI KUMPULAN DARI KOMANWEL.

+ITU HAK MEREKA UNTUK MENJEMPUT TETAPI KERAJAAN MASIH BERSETUJU MENJEMPUT KUMPULAN PEMERHATI ITU.

+KITA TELAH MEMBERITAHU KEPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL BAHAWA KITA MASIH BERMINAT UNTUK MENDAPATKAN KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL, MELAINKAN KOMANWEL BERPENDIRIAN BAHAWA MEREKA CUMA AKAN MENGHANTAR KALAU PARTI-PARTI LAIN BERSETUJU (TERHADAP PERKARA ITU),+ TAMBAHNYA.

+KALAU MEREKA HENDAK PERSETUJUAN (DARIPADA PARTI PEMBANGKANG) TETAPI PERSETUJUAN INI TIDAK DIPEROLEHI, KITA TIDAK BOLEH BUAT APA-APA,+ KATANYA.

YANG TURUT HADIR DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENYAMBUK KEPULANGAN PERDANA MENTERI IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK MOHAMED YUSOF NOR, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB DAN TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN DATUK ABANG ABU BAKAR MUSTAPHA. -- BERNAMA.

1737MST 14 09 90